

POLIKU.EDU

(Jun - Sept 2023)

EDISI 2, 2023

e-buletin



ANTARA YANG MENARIK!

- ✓ Randau YBTM Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal
- ✓ Penyerahan nota serah tugas Pengarah PKS yang baharu Sesi 1: 2023/2024
- ✓ Festival Kemerdekaan 2023 Peringkat PKS

ISI KANDUNGAN



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBrs. Encik Samsudin Bin Mohd. Saleh

KETUA EDITOR

Encik Mohd. Nezuan Bin Othman

EDITOR

Puan Noor Adziella binti Mohamad

Cik Azila binti Mustaffa

Puan Mas Safrina binti Masrol

Puan Nur Aifaa binti Azman

Puan Suraya binti Yope @ Yahya

Puan Fariza binti Mahyan

Puan Nazmiah binti Nawi

Puan Siti Zubaidah binti Janudin

Puan Ng Boon Ding

Puan Nurzawani binti Mohamad Zani

Puan Nurhidayu binti Azhari

Puan Suhana binti Mohd Gazi

Puan Farah binti Abdul Malek

Puan Nor Syahidal Arshaini binti Shamsudin

Puan Siti Zuriah binti Osman

Puan Jenniecia Idrinnie anak Allay

Puan Jocelyn anak Medoi

Puan Faiza Fuzannee binti Ibrahim

Puan Hafizah binti Dahlan

Puan Helni Hannsen

Puan Susan anak Belayong

SIDANG REDAKSI

GRAFIK & MULTIMEDIA

Unit Pembangunan Instruktional & Multimedia (UIDM)

Diterbitkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Kuching Sarawak
KM22, Jalan Matang,
93050 Kuching, Sarawak.

No. Telefon: 082-845 596
No. Fax: 082-845 023

Laman sesawang: www.poliku.edu.my

Hakcikpta terpelihara.

Sebarang penerbitan semula buletin ini di dalam bentuk apa jua adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Kuching Sarawak.

NOTA PENGARANG

Assalamualaikum WBT

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, saya diberi kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata dalam e-Buletin Edisi Kedua tahun 2023 ini.

Tahniah diucapkan kerana berjaya menyiapkan e-Buletin Edisi Kedua bagi Politeknik Kuching Sarawak ini dengan jayanya. Tanpa kesungguhan dan komitmen yang tinggi sudah tentu usaha murni ini tidak dapat disempurnakan seperti yang dirancang.

Justeru, saya berbesar hati mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Sidang Redaksi yang telah mempamerkan kesungguhan dan merealisasikan hasrat penerbitan e-Buletin ini. Usaha ini secara tidak langsung telah membuktikan kesungguhan warga Politeknik Kuching Sarawak dalam menghasilkan dokumentasi yang berkualiti sebagai rujukan pada masa hadapan.

Syabas! Semoga penghasilan e-Buletin ini akan dijadikan salah satu wadah dalam menyampaikan maklumat kepada seluruh warga Politeknik Kuching Sarawak dari semasa ke semasa. Akhir kalam, semoga Politeknik Kuching Sarawak terus mengorak langkah dalam apa juu bidang sehingga ke peringkat yang tertinggi.

Sekian, Wassalam.

Samsudin bin Mohd. Saleh
Pengarah Politeknik Kuching Sarawak



SOROTAN UTAMA

SESI PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS PENGARAH PKS YANG BAHARU



14 Jun 2023 : Sesi penyerahan nota serah tugas daripada mantan Pengarah Politeknik Kuching Sarawak, YBrs. Encik Hikmatullah bin Hajid Ahmad Khan kepada Pengarah Politeknik Kuching Sarawak baru, YBrs. Encik Samsudin bin Mohd. Saleh. Sesi Penyerahan ini disaksikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Politeknik Kuching Sarawak.



SESI RANDAU YBTM DATO' HAJI MOHAMMAD YUSOF BIN APDAL BERSAMA WARGA PKS



24 Julai 2023 : Sesi Randau YBTM Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal bersama warga PKS



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal telah mengadakan Sesi Randau bersama warga Politeknik Kuching Sarawak (PKS). Lawatan ini telah disambut oleh YBrs. Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

SOROTAN UTAMA

Sesi Randau bersama warga PKS bertujuan untuk meninjau keadaan semasa institusi tersebut sambil mendengar sendiri isu dan cabaran yang dihadapi oleh PKS. Sesi Randau juga merupakan medium sebagai sesi suai kenal antara Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi bersama warga PKS dalam kerangka usaha untuk merapatkan hubungan silaturrahim.

Disamping itu, YBhg. Datin Hajah Saleha binti Tun Haji Sakaran, isteri kepada YB Dato' Mohammad Yusof bin Apdal telah berbesar hati meluangkan masa bersama-sama pihak Puspanita PKS dalam bengkel gubahan bunga dan buah-buahan. Bengkel ini telah disertai oleh 14 orang peserta yang mewakili lapan Jabatan Akademik PKS. YBhg. Datin Hajah Saleha binti Tun Haji Sakaran turut sama mengubah bunga dan buah-buahan disamping beramah mesra dengan peserta serta staf di Perpustakaan Seri Kenyalang.



MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KEMERDEKAAN 2023 PERINGKAT POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



31 Ogos 2023 – 16 September 2023 : Majlis Perasmian Festival Kemerdekaan 2023 Peringkat PKS bersempena Bulan Kemerdekaan 2023



MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KEMERDEKAAN 2023 PERINGKAT POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jabatan Pengajian Am, Kelab Debat dan Pengucapan Awam POLIKU serta Unit Perpustakaan telah menganjurkan Festival Kemerdekaan 2023 Peringkat Politeknik Kuching Sarawak bermula 31 Ogos sehingga 16 September 2023.

Pelbagai program menarik yang telah dianjurkan, antaranya :

- Pameran Kemerdekaan
- Movie Night Ambang Kemerdekaan
- Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat PKS
- Pertandingan Fotografi Kemerdekaan
- Pertandingan Poster & Video Kreatif
- Pertandingan Penulisan Sajak
- Bengkel Penulisan Dan Deklamasi Sajak
- *Explorace Semarak Cinta Malaysia / Kuiz Pameran Merdeka / Teka Silang Kata / Teka Halaman Buku*
- Pertandingan Deklamasi Sajak
- Sambutan Hari Malaysia Peringkat PKS

MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KEMERDEKAAN 2023 PERINGKAT POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



RANGKUMAN AKTIVITI PKS

SESI "WALKABOUT" BERSAMA PENGARAH POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

15 Julai 2023 : Sesi "Walkabout" ini bertujuan untuk bertemu dan melawat semua kakitangan di setiap jabatan/unit serta meninjau keadaan pejabat, bengkel dan makmal di setiap jabatan/unit.

Sesi "Walkabout" turut disertai oleh Ts. Hajah Marlina binti Abdul Manaf, Timbalan Pengarah (Akademik), Encik Mohd Nezuan bin Othman, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ketua-Ketua Jabatan Akademik, Ketua Unit Pembangunan dan Senggaraan serta Ketua Unit Komunikasi Korporat.



SESI "WALKABOUT" BERSAMA PENGARAH POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN POLYCC ZON SARAWAK

21 Julai 2023 : Majlis Penyerahan Bendera telah berlangsung di Dewan Jubli Perak, PKS. Seramai 38 orang atlet Politeknik Kuching Sarawak (PKS) di mana telah berlangsung pada 23 hingga 27 Julai 2023 di Politeknik Nilai, Politeknik Port Dickson, Politeknik Banting dan Kolej Komuniti Kuala Langat. Kejohanan ini merupakan anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik (MSP) dan Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM). Sebanyak lima acara dipertandingkan iaitu Bola Sepak 9 Sebelah, Bola Jaring, Badminton, Petanque dan Woodball.



PERBARISAN DAN PERSEMPAHAN DALAM ACARA PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN BERSEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN 60 TAHUN SARAWAK MERDEKA 2023

28 Julai 2023 : Politeknik Kuching Sarawak telah menyertai Perbarisan dan Persembahan dalam Acara Perhimpunan Dan Perarakan bersempena Sambutan Perayaan 60 Tahun Sarawak Merdeka 2023 bertempat di Padang Merdeka Kuching pada 22 Julai 2023 yang melibatkan pegawai Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan (JSKK), TLDM PKS dan pelajar Kelab Kebudayaan dan Warisan (KEWARIS).



LAWATAN YAYASAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM MALAYSIA (YATIM) KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

16 Ogos 2023 : Seramai 40 orang pelajar bersama empat orang Guru Pengiring dan dua Pegawai YATIM telah mengadakan lawatan ke Politeknik Kuching Sarawak. Para pelajar yang hadir terdiri daripada empat buah sekolah iaitu SMK Seri Setia, SMK Tun Abang Hj Openg, SMK Bako dan SMK Semerah Padi.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai Politeknik Kuching Sarawak.



LAWATAN SMK LUTONG,MIRI KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

17 Ogos 2023 : Seramai 28 orang pelajar bersama empat guru pengiring dibawa melawat ke Makmal Proses dan Makmal Heat Transfer, Jabatan Kejuruteraan Petrokimia(JKPK) dan Makmal PGLI, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK).



KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI I: 2023/2024 & MINGGU SUAI KENAL

24 Ogos 2023 : Politeknik Kuching Sarawak telah menerima kemasukan pelajar baharu Politeknik Sesi I 2023/2024 di Kolej Kediaman Desa Serapi,PKS pada 20 Ogos 2023. Manakala Minggu Suai Kenal telah dijalankan dengan pengisian slot menarik dan bermanfaat kepada pelajar baharu. Minggu Suai Kenal Sesi I 2023/2024 berlangsung selama empat hari bermula 21 sehingga 24 Ogos 2023.



KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI I: 2023/2024 & MINGGU SUAI KENAL



LAWATAN JABATAN PERDAGANGAN PKS KE SARAWAK MULTIMEDIA AUTHORITY (SMA)

25 Ogos 2023 : Jabatan Perdagangan Politeknik Kuching Sarawak (PKS) yang diketuai oleh Ketua Jabatan Perdagangan, Puan Hajah Normala binti Haji Jaya bersama 44 orang pensyarah telah mengadakan lawatan ke Sarawak Multimedia Authority (SMA). Delegasi PKS telah disambut oleh Ts. Carolineson anak Nosin selaku wakil Pengurus Besar, Sarawak Multimedia Authority.



SESI PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR DI KOLEJ KEDIAMAN DESA SERAPI,PKS

27 Ogos 2023 : Turut hadir meninjau proses pendaftaran adalah Pengarah Politeknik Kuching Sarawak,YBrs. Encik Samsudin bin Mohd. Saleh.



LAWATAN TINJAUAN HARI PERTAMA KULIAH SESI I: 2023/2024

29 Ogos 2023 : Pengarah PKS, YBrs. Encik Samsudin bin Mohd. Saleh bersama barisan JK Pengurusan yang terdiri daripada Timbalan Pengarah (Akademik), Ts. Hajah Marlina binti Abdul Manaf bersama Ketua-Ketua Jabatan Akademik meninjau sesi pembelajaran yang sedang berlangsung. YBrs. Encik Samsudin turut menyampaikan sedikit pesan dan amanat kepada para pelajar semasa sesi tersebut.



COMMERCE WEEK 2023 ANJURAN JABATAN PERDAGANGAN PKS

12 – 14 September 2023 : Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada semua pelajar dan staf di Jabatan Perdagangan, PKS untuk melibatkan diri di dalam aktiviti keusahawanan, meraikan Sambutan Hari Malaysia dan pelbagai pengisian yang menarik yang antaranya, Dialog bersama Alumni, Business Pitching, Commerce Got Talent, Tiktok Video Tema Hari Malaysia, Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) dan aktiviti bersama Sekolah Angkat PKS. Program yang mampu memupuk dan mengeratkan silaturahim antara pelajar dengan staf Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak.



KOLABORASI

KUNJUNGAN HORMAT BANGI RESORT HOTEL KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

20 Jun 2023 : Bangi Resort Hotel diwakili oleh Pengurus Sumber Manusia, Puan Ida Rahayu binti Abdul Azizis dan Pegawai Eksekutif Sumber Manusia, Puan Wong Pei San telah membuat kunjungan hormat ke PKS bertujuan untuk membincangkan jalinan kerjasama melalui program kolaborasi bersama PKS.



SESI PERBINCANGAN DAN LAWATAN TAPAK JABATAN ALAM SEKITAR KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

20 Jun 2023 : Jabatan Alam Sekitar diwakili oleh Penolong Pengarah Kanan, Encik Mohd Aznor bin Lamat serta empat orang pegawai kanan telah mengadakan sesi perbincangan di Bilik Mesyuarat Utama, PKS seterusnya mengadakan lawatan tapak bagi mengenalpasti lokasi yang bersesuaian bagi mengadakan program bersempena dengan Hari Alam Sekitar Negara peringkat Negeri Sarawak yang akan disambut pada bulan Oktober kelak.



KUNJUNGAN HORMAT POLITEKNIK MUKAH SARAWAK KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

6 Julai 2023 : Delegasi Politeknik Mukah telah disambut dan diberi taklimat oleh Ts. Aidawati binti Mustapha, Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang menjalankan tugas Timbalan Pengarah (Akademik).

Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi dan berbincang mengenai program TECHON yang akan diadakan pada 12 Julai 2023 bertempat di The Waterfront Hotel, Kuching.



LAWATAN KOLABORASI "POLITEKNIK DESTINASIKU" ANTARA SM TEKNIK SEJINGKAT DENGAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

12 Julai 2023 : Lawatan Kolaborasi "POLITEKNIK DESTINASIKU" antara SM Teknik Sejingkat dengan Politeknik Kuching Sarawak melibatkan seramai 80 orang pelajar dan guru pengiring. Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi perbincangan pihak Pengurusan PKS bersama pihak Pengurusan SM Teknik Sejingkat, sesi taklimat daripada Ts. Abdul Yazid, Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) berkaitan kemasukan ke PKS. Dan lawatan ke Bengkel Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.



SESI PERKONGSIAN DAN PERBINCANGAN KOLABORASI ANTARA POLITEKNIK NEGERI PONTIANAK & POLITEKNIK NEGERI SRIWIJAYA BERSAMA PKS

12 – 14 Julai 2023 : Sesi perkongsian dan perbincangan kolaborasi antara Politeknik Negeri Pontianak (POLNEP) bersama Politeknik Kuching Sarawak di The Waterfront Hotel, Kuching pada 12 Julai 2023.

Politeknik Negeri Sriwijaya (POLSRI) pula telah mengadakan kunjungan hormat ke Politeknik Kuching Sarawak pada 14 Julai 2023 bagi membincangkan kolaborasi dan kerjasama program di masa akan datang.



MAJLIS MENANDATANGANI 'AGREED MINUTES OF MEETING'

3 Ogos 2023 : Majlis Menandatangani 'Agreed Minutes of Meeting' antara Politeknik Kuching Sarawak dengan Politeknik Negeri Pontianak dan Sesi *Focus Group Discussion* antara PolyCC Zon Sarawak bersama Politeknik dan Politani Negeri Indonesia



MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK ANTARA PANASONIC AIR-CONDITIONING MALAYSIA (PACMY) DENGAN PKS SERTA PENYERAHAN WATIKAH PANEL PENASIHAT INDUSTRI PKS

9 Ogos 2023 : Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik telah termeterai di antara Politeknik Kuching Sarawak (PKS) dan Panasonic Air-Conditioning Malaysia (PACMY) di Bilik Mesyuarat Utama,PKS. Sijil Kolaborasi Strategik ini telah ditandatangani oleh Pengarah PKS, YBrs. En Samsudin bin Mohd. Saleh dan COO PACMY,Mr Dai Nishi.

Sesi penyerahan watikah pelantikan Panel Penasihat Industri bagi program Diploma Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan (DPU) dan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan (DPB) turut diadakan dalam majlis yang sama.



LAWATAN TAPAK LOKASI PAMERAN PROGRAM SUKSES KARNIVAL PENDIDIKAN DAN KERJAYA MURID TAHUN 2023

10 Ogos 2023 : Lawatan Tapak Lokasi Pameran Program SUKSES Karnival Pendidikan dan Kerjaya Murid Tahun 2023 bersama wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Majlis Guru Kaunseling Negeri Sarawak.

Program SUKSES Karnival Pendidikan Kerjaya Murid Tahun 2023 akan diadakan pada 26 hingga 27 September 2023 di Politeknik Kuching Sarawak.



KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA) KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

15 Ogos 2023 : Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan mengenai kolaborasi dan kerjasama strategik yang boleh dijalankan antara kedua-dua institusi di masa akan datang.



LAWATAN PETROSAINS PLAYSMART KUCHING KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

15 Ogos 2023 : Seramai empat orang pegawai daripada Petrosain Playsmart Kuching telah mengadakan lawatan ke Politeknik Kuching Sarawak. Tujuan lawatan adalah untuk membincangkan mengenai kerjasama yang akan dijalankan antara kedua-dua institusi di masa akan datang. Selain itu, lawatan tapak ke Dewan Jubli Perak,PKS turut diadakan.



KUNJUNGAN HORMAT SARAWAK METRO SDN BHD KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

18 Ogos 2023 : Sarawak Metro Sdn Bhd diwakili oleh Cik Priscilla Annabel Bishop, Manager SEED Programme bersama lima pegawai telah mengadakan kunjungan hormat ke PKS bertujuan untuk membincangkan jalinan kerjasama dan kolaborasi serta meninjau fasiliti yang disediakan di PKS



LAWATAN PENANDAARASAN JABATAN KEJURUTERAAN PETROKIMIA (JKPK) KE SARAWAK BIODIVERSITY CENTER

17 Ogos 2023 : Lawatan penandaarasan amat memberi kesan kepada staf JKPK kerana telah diperkenalkan kepada pelbagai tumbuhan yang mempunyai banyak kelebihan yang boleh dikaji serta membawa kesan positif kepada masyarakat dan ekonomi tempatan.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

PROGRAM BENGKEL CSR STEM: MICROBIT



9 Ogos 2023 : Bengkel yang disertai oleh 20 orang pelajar pada sebelah pagi dan 10 orang guru sekolah Zon Satok Daerah Kuching pada sebelah petang telah dikendalikan oleh Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kuching Sarawak sebagai fasilitator. Melalui bengkel ini pelajar dan guru sekolah berpeluang merekabentuk, mengaturcara dan membina Mini Projek menggunakan Mikrobit.



PROGRAM CSR: BENGKEL STEM-ROBOTIK SEMPENA HARI KARNIVAL STEM SMK TUN ABANG HAJI OPENG (SMK TAHO)



14 September 2023 : Unit STEM PKS dengan kerjasama Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersial dengan Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah melaksanakan Program Khidmat Masyarakat melibatkan aktiviti STEM dalam bidang Robotik kepada pelajar SMK TAHO.

Bengkel STEM ini merupakan salah satu usaha dalam memberi pendedahan berkenaan kepentingan dan meningkatkan kesedaran bidang STEM di kalangan pelajar PKS dan juga komuniti setempat yang melibatkan pelajar sekolah.



KEJAYAAN

KEJAYAAN PENSYARAH DALAM PERTANDINGAN UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK



27 Julai 2023 : Kejayaan Pensyarah dalam Pertandingan Ujian Kemahiran Menembak RELA Zon D Utara Sarawak Senjata M16 Jatuh Piring.



KEJAYAAN PELAJAR DAN PENSYARAH POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



28 Julai 2023 : Kejayaan Pelajar dan Pensyarah PKS di Sport Carnival 2023.



PENGHARGAAN





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Terima Kasih

www.poliku.edu.my



politeknik.kuching.sarawak



politeknikkuchingsarawak



PoliteknikKuch1